

# Tidak perlu wujudkan cukai baharu



DR AHMED RAZMAN

**SHAH ALAM** - Tidak perlu diwujudkan cukai baharu sebaliknya kerajaan perlu mengawal perbelanjaan, kata penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff.

Menurutnya, beliau bersetuju dengan cadangan bekas ahli Majlis Penasihat Kerajaan, Profesor Dr Jomo Kwame Sundaram berkaitan kekurangan pada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Fokuskan bagaimana dapat kawal kos emolumen yang mewakili 26 peratus perbelanjaan negara dan juga hutang kerajaan Persekutuan yang mewakili 16 peratus."

"Kalau kedua-dua kos ini dapat dikurangkan, tak perlu buat cukai baharu pun," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Mengulas mengenai cukai pintar tersebut, Ahmed Razman berpendapat ia merupakan cukai yang tidak dikenakan kepada rakyat ketika mereka berbelanja.

"Saya tidak pasti maksud sebenar cukai pintar dicadangkan beliau, tapi itu dari segi pandangan saya. Dalam dunia majoriti negara mengamalkan sistem GST atau Value Added Tax (VAT)."

"Selain SST dan GST, cukai lain yang diamalkan ialah sistem cukai negara yang tertakluk kepada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang berkaitan."

"Tapi konsepnya masih sama cuma ada pemisahan dari segi hak mengutip cukai tersebut," katanya.